

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HLU 411 Teori dan Prinsip-Prinsip Teater

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada setiap Bahaigan A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Para pelajar dinasihatkan agar jangan menggunakan bahan yang sama bagi lebih daripada satu jawapan.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Bincangkan kepentingan Aristotle dan Horace sebagai ahli teori teater, serta pengaruh tokoh-tokoh tersebut terhadap drama dan teater Barat. Anda diminta menggambarkan perbincangan anda dengan contoh-contoh skrip drama yang sesuai.
2. "Walaupun Christopher Marlowe dan William Shakespeare mencerminkan semangat Renaissance, kedua-dua orang dramatis ini juga pandang balik ke arah konsepsi teater klasik serta contoh-contoh drama zaman pertengahan. Di samping itu, dalam karya-karya mereka dapat juga dikesan unsur-unsur moden."

Bincangkan pendapat ini berdasarkan sekurang-kurangnya dua [2] buah skrip drama, satu hasil karya Marlowe dan satu lagi dari Shakespeare.

3. Pergerakan Romantik sering digelar sebagai pergerakan "moden" yang terawal di dalam sastera Barat. Apakah pendapat anda mengenai ulasan ini? Anda diminta menggambarkan perbincangan anda dengan rujukan kepada penulisan ahli teori serta juga karya para dramatis pilihan anda.

.../2

**BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan**

4. "Expressionism" merupakan satu aliran kesenian yang menentang Naturalism dengan hebatnya. Bagi pendapat anda apakah berbezaan-perbezaan utama yang terdapat pada kedua-dua aliran teater tersebut, iaitu "Naturalism" dan "Expressionism"? Anda perlu menggambarkan perbincangan anda dengan rujukan kepada tokoh-tokoh teori serta skrip-skrip drama yang sesuai.
  
5. Antonin Artaud dalam esei-eseinya yang dikumpulkan dalam buku The Theatre and Its Double telahpun mengemukakan satu konsep teater yang amat berani, menarik serta berpengaruh. Artaud telahpun memberikan nama "Theatre of Cruelty", kepada teater jenis yang dibayangkan olehnya. Bincangkan konsep keganasan (cruelty) mengikut Artaud dan terangkan ciri-ciri utama yang, bagi Artaud, seharusnya diadakan dalam "Theatre of Cruelty".
  
6. Tuliskan secara terperinci mengenai sama ada [a] Teori dan falsafah absurdisme mahupun [b] Konsep "epik theatre" seperti yang dikemukakan oleh Bertolt Brecht. Anda diperlukan merujuk kepada skrip-skrip drama pilihan anda untuk menggambarkan perbincangan anda.
  
7. Bincangkan sumbangan terhadap perkembangan drama dan teater yang dibuat oleh dua [2] orang daripada tokoh-tokoh berikut:
  - [a] Adolphe Appia
  - [b] Richard Wagner
  - [c] Jerzy Grotowski

-ooo000ooo-